

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

Rhinocort Aqua 64mcg/dos

budesonide

Bacalah seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula menggunakan ubat ini.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Jika anda ragu-ragu, tanyalah doktor atau ahli farmasi.
- Ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Jangan beri orang lain. Ubat ini boleh memudarangkan mereka, walaupun simptom mereka sama seperti simptom anda.
- Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Kegunaan Rhinocort Aqua

Rhinocort Aqua digunakan untuk selesema, hidung tersumbat, bersin dan/atau gatal-gatal di dalam hidung yang disebabkan oleh alahan dan juga untuk merawat penyakit rinitis vasomotor yang mungkin disebabkan oleh asap atau minyak wangi, misalnya.

Rhinocort Aqua juga digunakan untuk merawat polip di dalam hidung dan selepas pembedahan polip untuk mengurangkan risiko terbentuknya polip baru.

Cara Rhinocort Aqua bertindak

Rhinocort Aqua ialah sejenis sediaan kortison yang menyekat radang dan tindak balas alergi di dalam hidung.

Sebelum anda menggunakan Rhinocort Aqua

Larangan menggunakan ubat ini

Jangan gunakan Rhinocort Aqua jika anda alah (hipersensitif) terhadap budesonide atau mana-mana ramuan lain Rhinocort Aqua.

Sebelum anda mula menggunakanannya

Berhati-hatilah apabila menggunakan Rhinocort Aqua

- Jangan biarkan Rhinocort Aqua terkena mata. Jika ubat ini memasuki mata, serta-merta bilas dengan air.
- Bincanglah dengan doktor sebelum anda mula menggunakan Rhinocort Aqua jika anda mengalami mana-mana masalah kesihatan yang berikut:
 - jangkitan kulat atau herpes di dalam hidung
 - tuberkulosis
 - penyakit hati yang teruk

Rawatan jangka panjang dengan dos yang tinggi boleh menyebabkan kesan sampingan kortison yang serius. Pada kanak-kanak kesan ini boleh berupa tumbesaran yang terencat.

Mennggunakan ubat lain

Beritahulah doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru ini telah menggunakan ubat lain, termasuklah ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Rhinocort Aqua

Jumlah yang perlu digunakan

Gunakanlah Rhinocort Aqua tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

Jika anda menghidap rinitis alergi bermusim (demam jerami), anda haruslah cuba memulakan rawatan dengan Rhinocort Aqua beberapa hari sebelum musim alergi bermula. Anda biasanya akan mendapat kesan yang sepenuhnya dalam masa beberapa hari tetapi anda mungkin akan terasa lega sedikit selepas hanya beberapa jam sahaja. Penggunaan Rhinocort Aqua oleh kanak-kanak haruslah dilakukan dengan pengawasan orang dewasa supaya semburan dibuat dengan betul dan supaya dos bertepatan dengan preskripsi doktor.

Oleh sebab botolnya mungkin sukar dikosongkan sepenuhnya, botol diisi dengan berlebihan. Cara ini dapat memastikan bahawa jumlah yang dinyatakan akan dibekalkan, iaitu 120 dos.

Jika hidung anda tersumbat, anda boleh menggunakan ubat titisan pelega hidung tersumbat selama 2-3 hari pertama rawatan.

Jika simptom alergi yang melibatkan mata mengganggu anda, doktor mungkin akan memberikan ubat lain untuk meringankannya.

Arahan penggunaan



Sebelum anda menggunakan botol baru semburan hidung Rhinocort Aqua, anda mesti menyediakan pamnya dengan menggongangkan botol itu dan menyemburkannya ke udara sehingga kabus yang sekata dihasilkan.

Jika anda tidak menggunakan semburan hidung ini setiap hari, pamnya mestilah disediakan dengan cara yang sama sekali lagi, tetapi kali ini cukuplah sekadar menyembur sekali sahaja ke udara.

1. Hembuskan hidung anda.
Gongangkan botol.
Buka tudung pelindung.
2. Pegang botol tersebut seperti yang ditunjukkan di dalam gambar.
3. Masukkan hujung botol ke dalam satu lubang hidung dan semburkan bilangan dos yang dipreskripsikan. Ikut prosedur yang sama bagi lubang hidung yang sebelah lagi.



4. Tutupkan semula dengan tudung pelindung.

Jangan guna melebihi dos yang ditetapkan!

Waktu menggunakanannya

Gunalah Rhinocort Aqua seperti yang dipreskripsi oleh doktor atau ahli farmasi.

Tempoh menggunakan ubat ini

Gunalah Rhinocort Aqua seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Jika anda terlupa menggunakanannya

Dos yang tertinggal itu tidak perlu digantikan. Semburkanlah dos yang seterusnya seperti biasa.

Sekiranya anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)

Jika anda telah menggunakan terlalu banyak Rhinocort Aqua pada sesuatu masa, anda tidak sepatutnya mengalami apa-apa kesan yang kurang menyenangkan. Jika anda ragu-ragu selepas menggunakan dos yang terlalu banyak, hubungilah doktor atau hospital untuk mendapatkan penilaian risiko dan untuk meminta nasihat.

Semasa anda menggunakan Rhinocort Aqua

Perkara-perkara yang mesti anda lakukan

Gunalah Rhinocort Aqua seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Perkara-perkara yang tidak boleh anda lakukan

Jangan berhenti menggunakan Rhinocort kecuali dinasahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Perkara-perkara yang perlu anda awasi

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan apa-apa ubat.

Pengalaman penggunaannya semasa hamil tidak menunjukkan sebarang peningkatan risiko kecacatan. Namun begitu, beritahu doktor jika anda menggunakan Rhinocort Aqua dengan lebih kerap daripada sekali-sekala semasa anda hamil.

Budesonide dikeluarkan melalui susu badan. Walau bagaimanapun, risiko berlakunya kesan terhadap bayi yang menyusu dengan susu badan dianggap tidak mungkin berlaku dengan dos terapeutik Rhinocort Aqua ini. Rhinocort Aqua boleh digunakan semasa menyusukan anak dengan susu badan.

Memandu dan mengendalikan jentera

Rhinocort Aqua tidak menjaskan kemampuan memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Rhinocort Aqua boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang boleh berlaku biasanya ringan dan singkat sahaja.

Lazim berlaku (lebih daripada 1 dalam setiap 100 orang akan mengalaminya): Kerengsaan di dalam hidung, hidung berdarah.

Tidak lazim berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 100 orang akan mengalaminya): Bengkak alergi, ruam, gatal-gatal, ruam netel, radang kulit, angioedema*.

Sangat jarang-jarang sekali berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 10,000 orang akan mengalaminya): Ulser pada membran mukus hidung, dinding yang mengasingkan kedua-dua belah lubang hidung tertembus, tindak balas alergi yang teruk.

* Berhenti menggunakan Rhinocort Aqua dan hubungi doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom yang berikut (angioedema)

- bengkak pada muka, lidah atau tekak
- kesukaran menelan
- ruam netel dan kesukaran bernafas.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahu lah doktor atau ahli farmasi.

Cara Menyimpan Dan Membuang Rhinocort Aqua

Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.

Jangan simpan pada suhu yang melebihi 30°C. Jangan sejuk bekukan.

Jangan gunakan selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusannya selepas EXP. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan yang dinyatakan itu.

Keterangan tentang produk

Rupa Rhinocort Aqua dan kandungan bungkusannya:

Botol kaca berwarna perang dengan pam semburan dan aplikator hidung.

Saiz pek:

120 dos

Bahan

Bahan aktif ialah budesonide 64 mikrogram/dos.

Bahan-bahannya yang lain ialah selulosa mikrohablur, natrium karmelosa, glukosa kontang, polisorbat 80, dinatrium edetat, pengawet kalium sorbat (E 202) 0.06 mg, asid hidroklorik untuk menyesuaikan pH dan air.

Bahan-bahannya yang lain dimasukkan untuk memberikan semburan hidung ini ciri-ciri yang bersesuaian.

Nombor pendaftaran Malaysia:
Rhincort Aqua 64mcg/dos: MAL20000013A

Pengilang
Dikilangkan oleh AstraZeneca AB, Södertälje, Sweden.

Tarikh semakan
Teks disemak semula pada bulan Ogos 2011

RITA.000-395-074.2.0